


HUBUNGAN ANTARA STRES KERJA DENGAN "MORALE"
PEKERJA DI KALANGAN JURURAWAT DI HOSPITAL
PEDIATRIK HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

LEE LAY HUA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

609901



106609

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dan bertujuan untuk melihat hubungan di antara stres kerja dengan 'morale' pekerja serta hubungan di antara petanda-petanda stres kerja dari aspek tingkah laku, fisiologi dan psikologi dengan 'morale' pekerja di kalangan jururawat-jururawat di Institut Pediatrik, HBKL. Seramai 100 orang jururawat terlatih telah dipilih dengan menggunakan persampelan rawak berstrata untuk menjawab soal selidik yang telah dibentuk untuk kajian ini. Stres kerja dan petanda-petanda stres kerja dari aspek tingkah laku, fisiologi dan psikologi diukur dengan menggunakan soal selidik tahap stres kerja (Jamaluddin Said, 1996) dan soal selidik yang telah diubahsuai dari NSS (Gray-Toft & Anderson, 1980), sementara 'morale' pekerja diukur dengan menggunakan Skala 'Morale' Industri (Harris, 1959 dan Mahoney, 1966). Tahap stres kerja dan tahap 'morale' pekerja dianalisis melalui statistik deskriptif. Hipotesis kajian pula dianalisis melalui analisis korelasi Pearson dan regresi linear pelbagai pada aras keertian 0.05. Melalui keputusan kajian yang diperolehi, didapati bahawa tahap stres kerja di kalangan jururawat-jururawat di Institut Pediatrik HBKL adalah rendah atau sederhana sahaja, sementara tahap 'morale' pekerja adalah sederhana atau tinggi. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapatnya hubungan negatif yang signifikan di antara stres kerja dengan 'morale' pekerja dengan nilai $r = -0.6685$, $p < 0.05$, serta hubungan negatif yang signifikan di antara petanda-petanda stres kerja dari aspek tingkah laku, fisiologi dan psikologi dengan 'morale' pekerja dengan nilai $r = -0.4300$, $p < 0.05$; $r = -0.6709$, $p < 0.05$ dan $r = -0.6243$, $p < 0.05$ masing-masing. Dari Ujian Regresi Pelbagai pula, didapati stres kerja dapat memberi sumbangan sebanyak 51% kepada 'morale'

pekerja. Antaranya, petanda stres kerja dari aspek fisiologi dan psikologi memberi kesan yang signifikan kepada 'morale' pekerja di kalangan jururawat Institut Pediatrik, HBKL jika dibandingkan dengan petanda stres kerja dari aspek tingkah laku.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam dunia hari ini yang kompleks dan berdaya saing, setiap manusia yang bekerja boleh dikatakan menghadapi stres kerja, sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Mengikut Marshall dan Cooper (1976), stres kerja akan berlaku jika individu itu hanya mendapat sedikit kepercayaan dalam organisasi bagi pembuatan keputusan yang berhubung dengan pekerjaan yang dilakukan dan batasan kepada tingkah laku kerja yang perlu dilakukan. Kesan daripada stres kerja yang dialami semasa kerja akan membawa padah bukan sahaja kepada organisasi itu tetapi juga kepada individu yang terlibat. Kesan-kesannya adalah seperti penurunan produktiviti, penurunan kepuasan kerja, ponteng kerja, kekerapan membuat kesilapan, masalah pusing ganti dan juga kos perubatan yang tinggi.

Dalam kajian ini pengkaji bertujuan mengkaji hubungan di antara stres kerja dengan 'morale' pekerja di kalangan jururawat Institut Pediatrik Hospital Besar, Kuala Lumpur. Jururawat sentiasa bersemuka dan berhadapan dengan pesakit di alam persekitaran hospital. Justeru itu jururawat digolongkan kepada kumpulan yang berisiko tinggi dalam menghadapi stres kerja kerana pendedahan mereka dengan pelbagai jenis penyakit, kecederaan, kemalangan, kecemasan dan kematian.

Stres berasal dari perkataan Latin 'stringere' yang bermaksud 'to draw tight' (Cooper dan lain-lain, 1988) dan amat popular digunakan dalam abad ke-17 untuk menerangkan kesusahan, kecelakaan atau kesengsaraan. Dan dalam abad ke-18 dan ke-19, ia digunakan untuk melambangkan kekuatan, tekanan, ketegangan atau

dan ke-19, ia digunakan untuk melambangkan kekuatan, tekanan, ketegangan atau usaha yang kuat, yang pada dasarnya merujuk kepada individu atau organ atau kuasa mental individu (Cooper dan lain-lain, 1988).

Mengikut Water B. Cannon (dalam Marshall & Cooper, 1979), stres merujuk kepada tendensi semulajadi haiwan atau manusia untuk mempertahankan keadaan homeostatiknya. Beliau menggunakan istilah stres dalam eksperimennya pada tahun 1930 (dalam Cooper dan lain-lain, 1988) apabila beliau mengkaji tentang kesan stres ke atas haiwan dan manusia, khasnya untuk mengkaji reaksi 'lawan atau lari' iaitu reaksi manusia ataupun haiwan sama ada akan kekal dan berjuang untuk dirinya atau melarikan diri apabila menghadapi situasi yang amat bahaya. Dalam eksperimennya, beliau memerihalkan manusia dan haiwan berada di bawah stres apabila terdapatnya perubahan fisiologikal seperti 'emergency adrenalin secretions' bila mereka didedahkan kepada situasi yang sejuk, kekurangan oksigen dan keterujaan (excitement).

Cofer dan Appley (dalam Marshall & Cooper, 1979), mendefinisikan stres sebagai suatu keadaan dalam organisma di mana ia mempersepsikan bahawa kesejahteraannya berada dalam keadaan bahaya dan ia mesti menumpukan semua tenaga untuk melindunginya.

Teori stres yang terkini dan lebih menyeluruh menekankan interaksi antara individu dengan persekitarannya. Seorang pakar penyelidikan memerihalkan stres sebagai tindak balas kepada proses dalaman dan luaran apabila mencapai tahap ketegangan kepada fizikal dan psikologikal.

Menurut French (dalam Muhammad Jamal, 1984) di dalam pekerjaan, stres adalah reaksi individu terhadap sifat persekitaran kerja yang mengancamnya. Stres

timbul apabila kecekapan individu dan persekitaran di tempat kerja yang tidak selaras, ini mungkin disebabkan oleh tuntutan yang berlebihan ke atas individu atau seseorang itu tidak berpotensi atau tidak berkemampuan untuk mengendalikan sesuatu situasi kerja dengan sepenuhnya. Woolfe (1984) juga berpendapat bahawa stres kerja timbul apabila keadaan yang tidak sesuai antara ciri-ciri individu dengan ciri-ciri persekitaran. Cooper dan Marshall (1976) mendapati dua faktor utama yang menyebabkan stres kerja ialah ciri individu dan punca stres kerja yang berpotensi di persekitaran kerja. Menurut Hamel dan Bracken (1986) stres kerja merupakan suatu realiti dalam kehidupan organisasi. Kajian tentang stres kerja dari segi psikologikal, fisiologikal dan tingkah laku serta kesannya telah banyak dilakukan dari perspektif konseptual atau secara empirikal. Didapati bahawa stres kerja adalah hasil daripada interaksi antara dua faktor, ciri individu dan ciri persekitaran.

Secara umumnya punca-punca stres dalam pekerjaan yang tertentu boleh dilihat dari segi beban kerja, tanggungjawab kerja yang spesifik dan persekitaran kerja.

a. Beban kerja

Beban kerja merupakan salah satu punca stres kerja yang utama. Apabila seseorang pekerja merasai dia mempunyai terlampau banyak kerja yang harus dihabiskan dalam masa yang singkat, maka dia akan mengalami beban kerja kuantitatif. Menurut Hurrell (dalam Smith, Jonathan C. 1993), perkara ini akan bertambah serius sekiranya dia tidak dapat mengawal kadar di mana kerja itu patut dihabiskan. Dan seseorang pekerja dikatakan menghadapi masalah beban kerja kualitatif, jika masalah yang dihadapinya bukan dari segi masa, tetapi adalah masalah